



## **PANDUAN MENJAWAB KEFAHAMAN** **ANEKA PILIHAN MCQ**

<b>Panduan Menjawab Soalan Kefahaman Aneka Pilihan MCQ</b>	
<b>1</b>	Baca dan fahami arahan atau kehendak soalan. Patuhilah arahan itu sepenuhnya.
<b>2</b>	Kemudian, <b>baca petikan pemahaman dengan teliti</b> sekurang-kurangnya dua kali.
<b>3</b>	Fahami isi-isi penting yang terdapat dalam petikan itu seperti idea-idea utama yang cuba disampaikan dan contoh-contoh atau sebab-sebab yang mengikuti idea utama itu.
<b>4</b>	Pada pembacaan kali kedua, <b>garisi atau serlahkan isi-isi utama</b> tersebut, khususnya yang ada kaitan dengan soalan.
<b>5</b>	Baca keseluruhan petikan. Usah pilih perenggan-perenggan tertentu sahaja.
<b>6</b>	Namun, jika soalan kamu menjurus pada sesuatu perenggan, contohnya dalam Soalan 17 kertas sampel PSLE Mendaki 2016 , pastikan kamu mencari jawapan yang dikehendaki daripada perenggan tersebut sahaja.
<b>7</b>	Cari <b>kata kunci</b> yang dapat <b>dijadikan panduan</b> apabila mencari jawapan daripada petikan yang dikemukakan.
<b>8</b>	Kemudian, baca pendaya-pendaya atau pilihan jawapan yang diberikan. Pangkah pendaya yang tidak menepati kehendak soalan yang diajukan.
<b>9</b>	Kamu juga boleh cuba untuk <b>menggarisi atau menyerlah ayat-ayat yang berhubung dengan setiap pendaya yang terdapat dalam petikan</b> . Dengan cara ini, kamu dapat mengecam idea utama yang cuba disampaikan dalam ayat tersebut dan kaitkan pula dengan soalan yang diajukan. Jika idea tersebut berkait rapat dengan soalan dan turut mengandungi kata kunci yang terdapat dalam soalan, maka pendaya itu kemungkinan besar adalah jawapan tepat bagi soalan tersebut.
<b>10</b>	Setiap soalan dan pendaya-pendaya aneka pilihan MCQ adalah berdasarkan petikan. Oleh itu, jawapan bagi soalan yang berkaitan dengan maksud kata atau rangkaian katanya terikat dengan konteks keseluruhan ayat atau petikan.
<b>11</b>	Bagi <b>soalan kosa kata</b> ( Soalan 19 ), lihat bagaimana perkataan tersebut digunakan dalam ayat. <b>Cari petunjuk</b> dalam ayat-ayat yang sebelum dan selepas perkataan itu untuk meneka makna perkataan tersebut.
<b>12</b>	Pangkah pendaya-pendaya yang kamu pasti bukan jawapan bagi makna perkataan tersebut berdasarkan pengetahuan sedia ada kamu tentang makna dan penggunaan perkataan tersebut. Dengan berbuat demikian, peluang untuk mendapatkan jawapan yang tepat adalah lebih cerah.
<b>13</b>	Selepas menjawab soalan di kertas soalan, semak semula jawapan kamu dengan membaca semula soalan serta jawapan yang telah kamu pilih.
<b>14</b>	Pastikan kamu <b>melorek angka pilihan jawapan yang sama dengan jawapan yang telah kamu tulis</b> di buku soalan. Pastikan juga kamu <b>melorek di angka soalan yang betul</b> . Semak dua kali untuk mengelakkan kecuaiian.

**SEMOGA BERJAYA!**